

Harga minyak tak jejas projek MRT

Kenaikan harga petrol dan diesel tidak akan menjejaskan operasi pembinaan Projek Aliran Transit Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang yang diyakini akan siap sepenuhnya seperti yang dijadualkan pada Julai 2017.

Ketua Eksekutif Mass Rapid Transit Corp Sdn Bhd (MRT Corp), Datuk Azhar Abdul Hamid, berkata pihaknya sentiasa berusaha memastikan kos pembinaan projek itu terkawal sekalipun berdepan pelbagai cabaran terutama dengan kenaikan harga minyak yang boleh membawa kepada peningkatan kos pembinaannya.

Beliau berkata, setakat akhir bulan lalu, keseluruhan kerja pembinaan Laluan 1 MRT itu

sudah mencapai tahap 35 peratus dengan 68 pakej kerja sudah dianugerahkan.

“Kami juga yakin kos pembinaan laluan sepanjang 51 kilometer yang membabitkan dua fasa itu tidak akan melebihi RM23 bilion,” katanya dalam majlis pertemuan dengan media di Kuala Lumpur, kelmarin.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan langkah penyusunan semula subsidi secara berperingkat yang menyebabkan kenaikan sebanyak 20 sen seliter harga petrol RON95 dan diesel.

Azhar turut menegaskan bahawa penyusunan semula subsidi itu harus dilihat dari sudut positif kerana penjimatan RM3.3 bilion daripada langkah

itu boleh membantu Kerajaan mengurangkan beban kewangan untuk pelaksanaan projek utama yang memberi manfaat besar kepada rakyat.

Tanggung kos subsidi

Sebagai sebuah projek yang dikategorikan mega, MRT Lembah Klang yang bakal menyediakan sistem pengangkutan awam terbaik kepada rakyat, katanya berdepan risiko gagal diteruskan jika Kerajaan terus dibebani masalah kewangan ekoran terpaksa menanggung kos subsidi yang tinggi susulan kenaikan harga minyak global.

Mengenai pembinaan projek Laluan 2 dan 3 MRT Lembah Klang, Azhar berkata, kerajaan dijangka mengumumkannya pada akhir tahun ini.

Beliau berkata, pengumuman itu akan dibuat sebaik kerajaan berpuas hati dengan cadangan yang dikemukakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung jarak jajaran serta jenis pembinaan yang bakal dibangunkan di bawah projek berkenaan.

“Berbanding Laluan 1, projek untuk Laluan 2 dan 3 MRT Lembah Klang dijangka tidak begitu tinggi kerana kami sudah memiliki pelbagai peralatan di samping boleh menggunakan tenaga kerja dan pakar sedia ada,” katanya.

MRT Corp, syarikat milik Kementerian Kewangan Diperbadankan yang ditubuhkan pada September 2011 bertanggungjawab sebagai pemaju dan pemilik aset projek MRT.